



12 SEP, 2026

Belanjawan 2027 dijangka pacu grid tenaga, AI



Utusan Malaysia, Malaysia

Belanjawan 2027 dijangka pacu grid tenaga, AI

KUALA LUMPUR: Belanjawan 2027 dijangka memberi tumpuan lebih besar kepada pengukuhan infrastruktur tenaga negara, termasuk peningkatan kapasiti grid, penyimpanan bateri, solar berskala besar dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui oleh sektor korporat.

Menurut MBSB Research, langkah itu dilihat penting bagi memenuhi permintaan tenaga yang semakin meningkat susulan perkembangan sektor semikonduktor, pusat data dan taman perindustrian di negara ini.

“Selain pembangunan kapasiti grid dan sistem penghantaran tenaga, kerajaan dijangka mempertimbangkan sokongan kepada

pemerolehan tenaga boleh diperbaharui korporat serta inisiatif kecekapan tenaga.

“Tenaga Nasional Bhd (TNB) dilihat antara penerima manfaat utama sekiranya pelaburan dalam grid dan sistem penghantaran tenaga dipertingkatkan menerusi Belanjawan 2027,” katanya dalam nota penyelidikan.

Sementara itu, syarikat tenaga solar dan penyimpanan tenaga seperti Pekat Group Bhd dan Samaiden Group Bhd turut berpotensi menikmati peluang baharu susulan perkembangan tenaga boleh diperbaharui.

“Syarikat dalam segmen peralatan elektrik dan kabel juga dijangka menerima limpahan dari-

pada peningkatan permintaan terhadap infrastruktur elektrifikasi.

“Bagaimanapun, pelabur disaran lebih selektif dalam menilai syarikat yang mempunyai pendedahan kepada industri pusat data.

“Pemilihan syarikat tidak seharusnya berdasarkan tema pusat data semata-mata, sebaliknya perlu mengambil kira kapasiti kuasa yang telah diperoleh, kekuatan pelanggan, ketenterlihatan projek serta keupayaan melaksanakan projek mengikut jadual,” katanya.

Pada masa sama, firma penyelidikan itu berkata, Belanjawan 2027 dijangka memper-

luas agenda teknologi negara melangkaui pembinaan pusat data kepada penggunaan kecerdasan buatan (AI), pengkomersialan teknologi, infrastruktur digital berdaulat, keselamatan siber serta aktiviti semikonduktor bernilai tinggi.

“Antara langkah yang berpotensi diperkenalkan termasuk geran padanan atau potongan cukai kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang melabur dalam AI dan automasi.

“Kerajaan juga berpotensi menyediakan sokongan bagi perbelanjaan pengkomputeran awan dan keselamatan siber, selain meningkatkan latihan kemahiran berkaitan AI,” katanya.